

MSM TANAM 700 POKOK BAKAU KOMITED TERHADAP PRINSIP ESG DALAM KELESTARIAN OPERASI DAN ALAM SEKITAR

PRAI, OKTOBER 13, 2021 – Bersempena dengan Hari Alam Sekitar Negara 2021, MSM Malaysia Holdings Berhad (Kumpulan MSM) melalui anak syarikat yang dimiliki penuh, MSM Prai Berhad (MSM Prai) pada hari ini telah menandatangani Sijil Jalinan Kolaborasi bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang bagi pelancaran inisiatif hijau dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad manakala JAS Negeri Pulau Pinang diwakili oleh Pengarah, Sharifah Zakiah Syed Sahab.

MSM telah memulakan inisiatif tersebut dengan melibatkan kolaborasi strategik di antara JAS Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pulau Pinang (PIFWA) melalui pelancaran program penanaman pokok bakau yang turut diadakan pada hari ini. Penanaman pokok bakau dianggap sebagai pendekatan mesra-alam yang efektif di mana ia memberikan manfaat kepada pemuliharaan ekosistem yang meluas termasuk melindungi kualiti air, mengukuhkan tebing sungai, menjaga habitat ikan serta menjadi penyumbang kepada pengurangan perubahan iklim. Selain itu, mata pencarian penduduk tempatan berdekatan turut bergantung kepada kesejahteraan ekosistem khususnya sektor perikanan. Melalui program ini, sebanyak 700 anak pokok bakau akan ditanam sepanjang pesisir kilang MSM Prai serta membantu menambahbaik lanskap persekitaran setempat.

“Operasi penapisan gula di MSM Prai terletak berdekatan pinggiran sungai di mana air daripada sungai tersebut digunakan untuk proses penyejukan. Jaringan akar pokok-pokok bakau yang padat serta tumbuhan-tumbuhan sekitar memainkan peranan sebagai penghadang semulajadi bagi memerangkap dan menapis enapan, logam berat dan lain-lain bentuk pencemaran daripada memasuki pam suntikan air di kilang tersebut di mana ia adalah keperluan dalam mengekalkan kualiti air. Pada masa yang sama, pokok-pokok bakau tersebut turut mengurangkan pembentukan buih di saluran keluar kilang. Walaubagaimanapun, pembentukan buih-buih tersebut adalah tidak berbahaya,” jelas Syed Feizal.



“Pemantauan yang kukuh terhadap kadar pertumbuhan dan kesihatan pokok-pokok bakau yang ditanam akan dilaksanakan bagi memastikan nilai yang lebih mampan serta kemajuan jangka masa panjang dalam program tersebut. Kolaborasi strategik ini adalah sebahagian daripada program kelestarian MSM sebagai asas kepada rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Keseimbangan di antara operasi perniagaan dan pemeliharaan alam sekitar akan menjamin kehidupan sosio-ekonomi yang lebih mampan serta kelangsungan yang lebih baik bagi masa hadapan komuniti berdekatan. Sehubungan itu, sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, MSM amat terdorong dalam memberikan impak kelestarian yang positif melalui pelbagai inisiatif yang meluas,” beliau turut menambah.

Melangkah ke hadapan, amalan serta penanda aras ESG MSM akan menerapkan pendekatan yang holistik melibatkan pelaburan dalam teknologi hijau, penyingkiran sisa, penjimatan tenaga, pengurangan jejak karbon, kesejahteraan dan penjagaan sosial di samping memperkasakan tadbir urus ke arah memastikan pencapaian prestasi kewangan dan korporat yang terbaik.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com